

UMS tidak larang pelajar suarakan pandangan

OLEH MARRYAN RAZAN

marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak pernah melarang pelajaranya menyuarakan pandangan serta hasrat masing-masing.

Justeru, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, beliau sekeras-kerasnya menyangkal dakwaan seorang pegawai universiti dalam sebuah akhbar tempatan kelmarin, keronnya kira-kira 100 mahasiswa telah diberhentikan kerana lantang menyuarakan pandangan dan perjuangan.

"Pihak universiti sentiasa bersikap terbuka dalam mendengar sebarang aduan atau permasalahan yang ingin diajukan oleh para pelajar."

"Kita juga menggalakkan pelajar untuk berbahas dengan syarahan umum yang bermafaat untuk meningkatkan kemahiran soft-skill mereka," katanya, di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan akhbar tempatan (bukan New Sabah Times) kelmarin bahawa UMS menghukum 100 pelajar kerana lantang menyuarakan perjuangan.

Sambil menyifatkan dakwaan itu sebagai sesuatu yang tidak berasas dan lebih berunsur sabotaj Dr. Mohd Harun berkata, sebarang isu dan permasalahan melibatkan pelajar akan dibicarakan melalui Bahagian Perundangan dan Tataatirib UMS dan pihak universiti tidak

akan sewenang-wenangnya memberhentikan pelajar.

"Saya kesal dengan kenyataan daripada pegawai ini yang saya percaya mempunyai agenda tersendiri. Ia kenyataan yang sangat tidak relevan dan saya berasa amat malu sekiranya benar pegawai yang tidak ingin namanya disiarkan itu ialah kakitangan UMS yang megah dengan kenyataan yang berbaur hasutan dan anti perpaduan," katanya.

Namun beliau tidak menolak kemungkinan bahawa terdapat pelajar yang telah melakukan kesalahan dirujuk melalui Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah menerima hukuman selepas pembicaraan.

"Hukuman tersebut berbentuk penggantungan semester atau penggantungan kolej kediaman dan bukannya diberhentikan dari pada universiti."

"Kita sabitkan mereka yang terlibat sesuai dengan AUKU, kaedah dan peraturan yang termaktub di UMS setelah mereka terbukti melakukan kesalahan itu."

"Akan tetapi ia bukan keputusan yang muktamad kerana kita akan memberikan peluang dalam beberapa waktu untuk mereka membuat rayuan," katanya sambil menyifatkan hukuman itu sebagai usaha UMS untuk memberi kesedaran dan keinsafan.

Beliau juga turut memaklumkan untuk menyiasat dalam di sebalik dakwaan itu yang dilihat sebagai khianat dan usaha mencearkan nama baik UMS.